

# Bahagian Batu, Labuan diarah sidang semula

Mn.M. 10 OCT 1993

9

**K**UALA LUMPUR 9 Okt.— UMNO Bahagian Batu dan Labuan hari ini diarahkan mengadakan semula persidangan perwakilan masing-masing pada 17 Oktober ini.

Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, arahan tersebut diputuskan oleh mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu di sini.

“Kedua-dua mesyuarat itu akan dihadiri oleh empat orang wakil MT,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Beliau berkata, bagi bahagian Batu, wakil MT yang akan hadir ialah Datuk Rahim Bakar dan Datuk Hussein Ahmad manakala

Labuan pula akan dihadiri oleh Hassan Harun dan Datuk Khalid Yunus.

Dr. Mahathir juga memberitahu, bagi bahagian Batu kesemua cawangan yang termasuk 17 cawangannya yang dikatakan menghadapi masalah berhak menghadiri ke persidangan perwakilan mesyuarat itu.

Dengan keputusan itu bermakna, Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Batu pada 26 September lalu diiktiraf tidak sah oleh MT.

Dalam persidangan itu, tokoh kontroversi yang juga Ketua UMNO Bahagian Batu, Datuk Azman Attar berjaya mengekalkan jawatan itu dengan

memperolehi 156 undi menewaskan pencabangnya, Dr. Noridah Ibrahim.

Ketika persidangan berlangsung, dalam masa yang sama anggota jawatankuasa Pemuda bahagian itu, Alias Sulaiman membuat laporan di Balai Polis Dang Wangi mendakwa mesyuarat itu tidak sah.

Dalam laporan polis, Alias menyatakan bahawa mesyuarat berkenaan tidak mendapat permit polis, tidak mengikut perlembagaan parti dan membelakangkan arahan Pengerusi Perhubungannya, Ghafar Baba.

Manakala UMNO Bahagian Labuan pula disifatkan mengingkari keputusan MT oleh Setiausaha

Agung parti, Datuk Mohamed Rahmat apabila mereka mengadakan persidangannya pada 24 September lalu.

Mohamed berkata, adalah tidak adil untuk mengadakan persidangan bahagian sedangkan MT telah mengarahkan supaya bahagian itu menanggungkan sehingga kesemua 18 cawangan yang bermasalah mengadakan semula persidangan perwakilan.

Turut diarahkan mengadakan persidangan perwakilan semula ialah Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Batu Pahat.

Mesyuarat berkenaan akan dikendalikan oleh Jawatankuasa UMNO Bahagian Batu Pahat.